



**GARIS PANDUAN HAK CIPTA  
(ENTITI YANG DIBERI KUASA) 2022**

**MYIPO/CR/1/2022**

AKTA HAK CIPTA 1987  
GARIS PANDUAN HAK CIPTA (ENTITI YANG DIBERI KUASA) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 13(2)(ggggg), 13(2)(r), 13(2)(s) dan seksyen 59 Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332], Menteri membuat garis panduan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Garis panduan ini bolehlah dinamakan **Garis panduan Hak Cipta (Entiti Yang Diberi Kuasa) 2022.**

(2) Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2022.

**Permohonan untuk menjadi entiti yang diberi kuasa**

2. (1) Mana-mana badan atau institusi yang tidak mencari keuntungan yang menyediakan pendidikan, latihan pengajaran, penyesuaian bacaan atau akses maklumat kepada orang dengan ketidakupayaan cetakan untuk menjadi entiti yang diberi kuasa hendaklah memohon kepada Menteri untuk menjadi entiti yang diberi kuasa.

**Pembuatan dan pengeluaran salinan format boleh akses oleh entiti yang diberi kuasa**

3. Suatu entiti yang diberi kuasa sebelum membuat dan mengeluarkan salinan mana-mana karya ke dalam salinan format boleh akses hendaklah—

(a) mempunyai akses yang sah ke atas karya itu atau suatu salinan karya itu; dan

(b) tidak mengubah pengertian atau isi karya.

**Kewajipan entiti yang diberi kuasa**

4. (1) Entiti yang diberi kuasa hendaklah —

- (a) memberikan nama dan perincian entiti yang diberi kuasa anggota Triti Marrakesh yang lain yang terlibat dalam pertukaran salinan format boleh akses kepada orang awam;
- (b) menjadikan tersedia kepada orang awam tajuk dan apa-apa kemas kini bagi kesemua salinan format boleh akses;
- (c) menjadikan tersedia polisi dan amalannya berkaitan dengan salinan format boleh akses kepada entiti yang diberi kuasa anggota Triti Marrakesh yang lain;
- (d) membenarkan pemunya hak cipta untuk memeriksa rekod karyanya yang mendapat hak cipta di entiti yang diberi kuasa semasa waktu pejabat biasa atau pada bila-bila masa yang munasabah jika entiti yang diberi kuasa tersebut tidak mempunyai waktu pejabat; dan
- (e) membenarkan mana-mana orang lain untuk mengakses salinan format boleh akses dengan syarat bahawa entiti yang diberi kuasa itu diberikan dokumen yang membuktikan bahawa orang tersebut bertindak bagi pihak orang dengan ketidakupayaan cetakan.

(2) Entiti yang diberi kuasa yang berniat untuk membuat dan mengeluarkan apa-apa karya dalam salinan format boleh akses hendaklah menyenggara di tempat perniagaan utamanya, suatu daftar yang mengandungi butiran berikut:

- (a) tajuk karya, nama pencipta, pemunya, penerbit dan tahun penerbitan;
- (b) bentuk salinan format boleh akses yang karya itu dikeluarkan;
- (c) aktiviti entiti yang diberi kuasa; dan
- (d) jumlah bilangan salinan yang dibuat.

(3) Entiti yang diberi kuasa hendaklah menyerahkan kepada Pengawal, suatu senarai salinan format boleh akses yang direkod pada akhir tahun ekalendar apabila diminta oleh Pengawal.

**Notis yang dimasukkan dalam salinan format boleh akses**

5. Entiti yang diberi kuasa hendaklah memastikan suatu salinan format boleh akses mengandungi—

(a) tajuk karya, nama pencipta, pemunya, penerbit dan tahun penerbitan; dan

(b) perkataan yang berikut:

“Salinan ini dicipta menurut perenggan 13(2)(ggggg) Akta Hak Cipta Malaysia 1987 [Akta 332] dan Triti Marrakesh, semata-mata untuk kegunaan seorang dengan ketidakupayaan cetakan.”

**Pengimportan salinan format boleh akses**

6. Bagi maksud pengimportan salinan format boleh akses, suatu entiti yang diberi kuasa—

-(a) boleh meminta salinan format boleh akses daripada entiti yang diberi kuasa anggota Triti Marrakesh yang lain dalam apa-apa bentuk dan mengakui penerimaan salinan-salinan suatu salinan format boleh akses; dan

(b) hendaklah memberi laporan secara tahunan kepada Pengawal berkenaan dengan senarai salinan format boleh akses yang diimport apabila diminta oleh Pengawal.

**Pengeksportan salinan format boleh akses**

7. (1) Bagi maksud pengeksportan, suatu entiti yang diberi kuasa boleh—  
(a) menerima permohonan untuk salinan format boleh akses dalam apa-apa bentuk daripada entiti yang diberi kuasa anggota kepada Triti Marrakesh yang lain; dan

- (b) menjadikan tersedia kepada anggota kepada Triti Marrakesh maklumat berkenaan kuantiti dan label atau tanda salinan format boleh akses sebelum mengeksport salinan format boleh akses.
- (2) Suatu entiti yang diberi kuasa hendaklah memberi laporan secara tahunan kepada Pengawal berkenaan dengan senarai salinan format boleh akses yang dieksport apabila diminta oleh Pengawal.

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

*Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

Dibuat pada 15 Jun 2022

[MYIPO/CR/1/2022]



**COPYRIGHT (AUTHORIZED ENTITY)  
GUIDELINES 2022**

**MYIPO/CR/1/2022**

COPYRIGHT ACT 1987  
COPYRIGHT (AUTHORIZED ENTITY) GUIDELINES 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 13(2)(ggggg), 13(2)(r), 13(2)(s) and section 59 of the Copyright Act 1987 [Act 332], the Minister makes the following guidelines:

**Citation and commencement**

1. (1) These guidelines may be cited as the **Copyright (Authorized Entity) Guidelines 2022**.

(2) These guidelines come into operation on 30 June 2022.

**Application to be authorized entity**

2. Any non-profit making body or institution which provides education, instructional training, adaptive reading or information access to a person with print disability to be an authorized entity shall apply to the Minister to be an authorized entity.

**Making and issuing of accessible format copy by authorized entity**

3. An authorized entity prior making and issuing of copies of any work into an accessible format copy shall—

(a) have lawful access to the work or a copy of the work; and

(b) not modify the meaning or substance of the work.

**Duties of authorized entity**

4. (1) The authorized entity shall—

- (a) provide the name and details of other authorized entity of a member of the Marrakesh Treaty which engaged in the exchange of accessible format copy to the public;
  - (b) make publicly available the titles and any updates of all the accessible format copy;
  - (c) make available its policies and practices in relation to accessible format copy to other authorized entity of a member of the Marrakesh Treaty;
  - (d) permit the copyright owner to inspect the record of his copyright work at the authorized entity during normal office hours or at any reasonable time if the authorized entity does not have office hours; and
  - (e) permit any other person to access the accessible format copy provided that the authorized entity is furnished with supporting document proving that such person is acting on behalf of the person with print disability.
- (2) The authorized entity intending to make and issue any work in any accessible format copy shall maintain at its principal place of business, a register with the following particulars:

- (a) the title of the work, the name of the author, owner, publisher and the year of publication;
- (b) the form of the accessible format copy in which the work is produced;

(c) the activity of authorized entity; and

(d) total number of copies made.

(3) The authorized entity shall submit to the Controller, a list of accessible format copy recorded at the end of the calendar year upon request by the Controller.

#### **Notice to be inserted in accessible format copy**

5. The authorized entity shall ensure the accessible format copy contain—

(a) the title of the work, the name of the author, owner, publisher and the year of publication; and

(b) the following words:

“This copy is created pursuant to paragraph 13(2)(ggggg) of the Malaysia Copyright Act 1987 [Act 332] and Marrakesh Treaty, solely for the use of a person with print disability.”.

#### **Importation of accessible format copy**

6. For the purpose of importation of accessible format copy, an authorized entity —

(a) may request accessible format copy from other authorized entity of member of the Marrakesh Treaty in any form and acknowledge receipt of the copies of accessible format copy; and

(b) shall furnish a report annually to the Controller on the list of accessible format copy imported upon request by the Controller.

#### **Exportation of accessible format copy**

7. (1) For the purpose of exportation of an accessible format copy, an authorized entity may—

- (a) receive request for accessible format copy in any form from=other authorized entity of a member of the Marrakesh Treaty; and
  - (b) make available to the member of the Marrakesh Treaty information on the quantity and label or mark of the accessible format copy before exporting the accessible format copy.
- (2) An authorized entity shall furnish a report annually to the Controller on the list of accessible format copy exported upon request by the Controller.

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
*Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs*

Made on 15 June 2022.  
[MYIPO/CR/1/2022]